

05 MAR 2000

Umno-Jelutong

UMNO BAHAGIAN JELUTONG CALON DR MAHATHIR DAN PAK LAH

PULAU PINANG, 5 Mac (Bernama) -- Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Jelutong hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Mesyuarat yang dirasmikan oleh Ketua Bahagian Jelutong Datuk Abdul Rashid Ismail juga turut mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Seri Syed Hamid Albar bagi jawatan Naib Presiden.

Bagi jawatan anggota Majlis Tertinggi pula, mesyuarat itu secara sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Mohd Shariff Omar, Datuk Dr Hilmi Yahaya, Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Wira Ali Rustam, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali, Datuk Seri Osu Sukam, Datuk Syed Abdul Razak Syed Zain, Datuk Adnan Yaakob, Datuk Abu Hassan Omar dan Datuk Ishak Ismail.

Yang lain ialah Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Rais Yatim, Datuk Azmi Khalid, Datuk Abdul Aziz Samsudin, Datuk Dr Shafei Salleh, Datuk Mohd Nazri Aziz, Datuk Khalid Yunus, Datuk Sharizat Abdul Jalil, Datuk Shafei Afdal, Tan Sri Rahim Tamby Chik, Idris Tulis dan Abdul Azim Zabidi.

Terdahulu, mesyuarat berkenaan berlangsung dalam suasana agak tegang apabila satu kumpulan 29 anggota daripada beberapa buah cawangan bertindak keluar kerana tidak berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat berkenaan.

Jurucakap kumpulan itu, Mohamad Noor Hussein berkata, mereka berbuat demikian kerana sebelum ini telah meminta Umno bahagian menanggungkan persidangan ke satu tarikh lain bagi membolehkan masalah teknikal yang dihadapi oleh lapan buah cawangan dalam bahagian itu diselesaikan terlebih dahulu.

Katanya, memorandum untuk meminta penangguhan tarikh persidangan itu telah diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Beliau mendakwa, mesyuarat perwakilan itu tidak harus dilangsungkan selagi kedudukan cawangan-cawangan yang bermasalah tidak diputuskan apabila Abdullah sendiri telah mengeluarkan kenyataan bahawa mesyuarat agong cawangan-cawangan berkenaan haruslah diadakan semula.

"Bagaimanapun setelah Pengerusi Tetap persidangan Datuk Azmi Merican bersetuju untuk meneruskan persidangan atas alasan pengurusan bahagian telah mendapat kebenaran Badan Perhubungan Umno negeri, kami mengambil keputusan untuk keluar daripada persidangan sebagai membantah," kata beliau.

Masalah dalam Umno Bahagian Jelutong timbul ekoran tindakan mengugurkan beberapa ketua cawangannya atas alasan mereka menyokong pembangkang pada pilihan raya lepas.

Ketua Bahagian, Datuk Abdul Rashid Ismail kemudiannya memberitahu pemberita bahawa tindakan beberapa anggota perwakilan keluar daripada persidangan itu adalah sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam persidangan Umno.

Beliau mendakwa, anggota yang tidak dibenarkan memasuki persidangan berkenaan adalah kerana mereka didapati menyokong pembangkang pada pilihan raya lepas dan secara automatik keahlian mereka dalam Umno luput.

-- BERNAMA

AA PR